

620:

MAHATHIR-BANTUAN

1975

MELAKA, 28 FEB (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD SEKALI LAGI MENYERU SEKOLAH-SEKOLAH YANG LEBIH BERJAYA SUPAYA MEMBANTU SEKOLAH-SEKOLAH YANG KURANG BERNASIB BAIK TERUTAMA DI LUARBANDAR.

KATANYA, BANTUAN DEMIKIAN PERLU KERANA KEBANYAKAN SEKOLAH SEPERTI ITU MEMPUNYAI BILANGAN PELAJAR TERLALU KECIL MENYEBABKAN MEREKA SUKAR MENGADAKAN SUMBAR KEWANGAN YANG CUKUP UNTUK MEMBELI KELENGKAPAN PERPUSTAKAAN DAN SUKAN.

DR. MAHATHIR MEMBUAT SERUAN DEMIKIAN SELEPAS MELAWAT SEBUAH SEKOLAH VOKESYENAL DI ALOR GAJAH HARI INI.

TERDAHULU DARI ITU, BELIAU TELAH MELAWAT SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN DI KESANG DALAM DAERAH JASIN KIRA-KIRA 32 BATU DARI SINI.

BELIAU MENYATAKAN, PIHAKNYA AKAN BERUSAHA MENGADAKAN KELAS TAMBAHAN DI SEKOLAH ITU BAGI MENAMPUNG BILANGAN PELAJAR YANG MAKIN MENINGKAT.

SEMASA MELAWAT SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT CHINA DI SINI, BELIAU BERKATA WALAUPUN BANGUNAN SEKOLAH ITU TELAH TUA PENTADBIRANNYA DIJALANKAN DENGAN BERKESAN DAN MEMUASKAN.

BELIAU BERHARAP LAIN-LAIN SEKOLAH MENCONTOHI TAULADAN YANG DITUNJUKKAN OLEH SEKOLAH TERSEBUT. -- BERNAMA 1848/A1